

Headline **Kekalkan modul BTN, kata Dr Mahathir**  
Date **07 Dec 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **4**  
Article Size **66 cm<sup>2</sup>**  
Color **One Spot Color**  
ADValue **382**  
PRValue **1,145**



## Kekalkan modul BTN, kata Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR** – Modul Biro Tatanegara (BTN) perlu dikekalkan dan tidak dirombak kerana ia sudah cukup baik dalam memupuk semangat kenegaraan di kalangan rakyat, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berpendapat, kurikulum BTN dapat memupuk semangat perpaduan kerana ia turut dihadiri rakyat Malaysia berbilang kaum.

"Saya tidak nampak apa sebab dirombak, saya ingat kekal (modul BTN)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari AIDS Sedunia 2009 di sini semalam.

Beliau berkata, tidak ada apa-apa yang tidak betul mengenai kursus BTN kerana kurikulumnya cukup baik untuk memberi kesedaran pentingnya kehidupan bernegara.

"Kadang-kadang ramai orang tidak faham nilai yang kita dapat menerusi kursus BTN. Saya tidak nampak BTN buruk selain diterangkan sejarah negara," katanya. –Bernama.